


Penetapan harga runcit minyak hari ini

BA- 2/1/2019
m/s: 2



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bersama pelajar dan murid pada Program Back to School di Sekolah Menengah Kebangsaan Kedawang, Langkawi, semalam.

➔ Kerajaan ambil kira kepentingan pembeli, penjual: Dr Mahathir

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Hamzah Osman
cnews@nstp.com.my

Langkawi

Kerajaan mengambil kira kepentingan pembeli dan penjual dalam penetapan harga runcit produk petroleum yang akan diputuskan pada mesyuarat Kabinet hari ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia menurunkan harga minyak mengikut harga minyak dunia, namun pada masa sama perlu melihat permintaan pengusaha stesen minyak.

“Kita akan mengadakan mesyuarat Kabinet esok (hari ini) bagi menentukan harga minyak. Kita suka harga minyak turun, tetapi penjual minyak perlu membuat keuntungan kerana jika mereka tidak untung, kita tidak akan ada stesen minyak.

“Jadi kita harus pertimbang antara pembeli dan penjual sebelum buat keputusan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Back To School di Sekolah

Menengah Kebangsaan (SMK) Kedawang, di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi menyampaikan sumbangan peralatan persekolahan tajaan Bank Muamalat kepada 226 pelajar dan murid dari 28 sekolah menengah dan rendah di daerah ini.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Tun Dr Hasmah Mohd Ali disambut Guru Besar SK Kedawang, Amirudin Mat, meluangkan masa kira-kira 30 minit bagi beramah mesra dan bertemu murid Tahun Satu sekolah berkenaan.

Persetujuan Jemaah Menteri
Kelmarin, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, dalam satu kenyataan berkata, harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel dikekalkan buat masa beberapa hari ini, sehingga pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri, yang akan bermesyuarat hari ini diperoleh.

Berikutan itu, harga runcit petrol RON97 dan RON95 dikekalkan, masing-masing pada RM2.50 seliter dan RM2.20 seliter; manakala diesel pula RM2.18 seliter.



Kita akan mengadakan mesyuarat Kabinet esok (hari ini) bagi menentukan harga minyak. Kita suka harga minyak turun, tetapi penjual minyak perlu membuat keuntungan kerana jika mereka tidak untung, kita tidak akan ada stesen minyak. Jadi kita harus pertimbang antara pembeli dan penjual sebelum buat keputusan”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Sebelum ini, kerajaan memaklumkan akan menyelaraskan harga runcit produk petroleum termasuk RON95 kepada harga yang lebih rendah mulai 1 Januari 2019 berikutan penetapan harga jualan runcit produk petroleum secara mingguan, sejajar dengan trend penurunan harga pasaran minyak dunia ketika ini.

Berikutan itu, Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (BUMIPEDA) menyuarakan kebimbangan kemungkinan pengguna berdepan masalah mendapatkan petrol dan diesel apabila semua tangki penyimpanan di stesen minyak dijangka kering menjelang tarikh itu.

Elak kerugian

Katanya, pengusaha stesen minyak enggan menambah simpanan dalam tangki masing-masing menjelang penghujung bulan lalu bagi mengelak kerugian apabila membeli pada harga tinggi tetapi menjualnya pada harga lebih rendah.

Susulan daripada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Ewhal Pengguna (KPDNHEP) mem-

beri amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pengusaha stesen minyak menghentikan operasi tanpa kebenaran.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir menyambut baik perutusan Tahun Baharu 2019 Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, yang mahu masalah antara Malaysia dan negara jiran itu diselesaikan secara konstruktif.

“Hubungan Malaysia dan Singapura adalah baik, namun ada beberapa masalah dan kita selesaikannya melalui rundingan.

“Kita tidak menyelesaikan masalah secara konfrontasi atau kecaman melalui media kerana yakin masalah boleh diselesaikan,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 20 minit meninjau kerja pembinaan Menara Maha yang terletak di Pusat Komersial Langkawi City, Kuah.

Projek pembinaan menara setinggi 138 meter itu yang dilancarkan pada 2013 tergendala sejak 2016, namun kerja membina kembali giat dilakukan sejak Ogos lalu.